



ISMAIL (kiri) mengadakan perbincangan dengan Ramesh (kanan) diperhatikan Zamri (dua kiri) dan Norhanizah (dua kanan).

Ismail terima kunjungan Pengarah Hospital Labuan

UB 28.11.2012 BY

PENGARAH Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), Prof Madya Dr Ismail Ali telah menerima kunjungan hormat pegawai kanan Hospital Nukleus Labuan, kelmarin.

Majlis yang berlangsung di Pejabat Pengarah UMS-KAL di Tingkat 13, Bangunan Menara universiti itu diketuai Pengarah Hospital Nukleus Labuan, Dr Rameshwaran A/L Muthu.

Turut hadir Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohammad Tuah, Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Norhanizah Adnan dan Penolong Jurutera Kanan, Mohd Azrie Ag Tanjong.

Ismail berharap hubungan baik yang sedia terjalin antara kedua-dua pihak akan berterusan selaras dengan hasrat Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah yang mahu UMS-KAL mengadakan kerjasama dengan jabatan dan agensi kerajaan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Katanya, sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang tunggal di Wilayah Persekutuan Labuan, UMS-KAL akan memastikan hubungan baik itu akan berkekalan untuk kepentingan pelajar, pensyarah dan kakitangan universiti itu.

Beliau juga berharap kedua-dua pihak akan mengadakan pelbagai aktiviti seperti sukan dan kemasyarakatan serta kesihatan yang membabitkan kakitangan dan pelajar supaya hasrat naib canselor itu akan mencapai matlamatnya.

“Kita boleh mengadakan pelbagai aktiviti yang membabitkan kakitangan dan pelajar UMS-KAL dengan kakitangan Hospital Labuan bagi mengeratkan lagi hubungan baik yang sedia terjalin,” katanya.

Ismail mempelawa kakitangan Hospital Nukleus Labuan untuk menggunakan kemudahan sukan dengan mengadakan perlawanan sukan persahabatan yang membabitkan kakitangan dan pelajar UMS-KAL.